

INTERAKSI KERAJAAN JOHOR-RIAU-LINGGA-PAHANG DENGAN KUASA EROPAH DALAM TEKS *TUHFAT AL-NAFIS*

STEVEN ALEZENDER*
Universiti Kebangsaan Malaysia
Stevenalezender95@gmail.com

SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD
Universiti Putra Malaysia
salmahjan@upm.edu.my

RAHIMAH HAMDAN
Universiti Putra Malaysia
rahimahh@upm.edu.my

*Pengarang Perantara

ABSTRAK

Kemunculan sesebuah kerajaan dalam usaha menjadi sebuah pusat kekuasaan di Alam Melayu dipengaruhi oleh pelbagai faktor penting yang saling berkait antara satu sama lain. Di samping faktor kemakmuran, kebijaksanaan pemerintah, pertahanan dan kedudukan strategik yang digabung jalin untuk menumbuhkan sebuah kerajaan yang kuat, faktor interaksi baik dalam konteks setempat mahupun sejagat dilihat tidak kalah pentingnya juga dalam membina citra sebuah kerajaan yang kuat. Mustahaknya proses interaksi dalam membangunkan citra kerajaan tersebut menyaksikan waris langsung Kesultanan Melayu Melaka iaitu Kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang memberikan perhatian yang khusus mengenainya. Di samping berinteraksi dengan kerajaan lain yang mengitarinya, penelitian awal terhadap teks *Tuhfat al-Nafis* yang merepresentasikan Kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang merekodkan wujudnya interaksi kesultanaan berkenaan dengan kuasa Eropah. Bertolak daripada itu, maka kajian ini ingin meneliti interaksi yang terjalin antara Kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang dengan kuasa Eropah. Kajian berbentuk kualitatif dengan mensintesiskan dua kaedah kajian iaitu kaedah kepustakaan dan analisis kandungan ini akan memanfaatkan teks *Tuhfat al-Nafis* sebagai data kajian. Dapatan kajian dengan menggunakan Teori Bentuk dan Lingkungan Sosial Interaksi Antara Tamadun oleh Kuzyk & Yakovets (2006) mengesahkan wujudnya interaksi Kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang dengan kuasa Eropah dalam bentuk kerjasama ekonomi dan politik, perkongsian sosiobudaya, Konfrontasi politik dan konflik ketenteraan.

Kata Kunci: Kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang; empayar; interaksi; *Tuhfat al-Nafis*; Alam Melayu

INTERACTIONS BETWEEN THE JOHOR-RIAU-LINGGA-PAHANG SULTANATE AND EUROPEAN POWERS IN THE TEXT *TUHFAT AL-NAFIS*

ABSTRACT

The emergence of a kingdom in its effort to become a center of power in the Malay Archipelago is influenced by various important factors that are interconnected with one another. Besides the factors of prosperity, government wisdom, defense, and strategic position combined to foster a

strong kingdom, the factor of good interaction, both in local and global contexts, is also seen as equally important in building the image of a strong kingdom. The importance of the interaction process in developing the image of that kingdom witnessed the direct heirs of the Malacca Malay Sultanate, namely the Johor-Riau-Lingga-Pahang Sultanate, giving special attention to it. Alongside interacting with other surrounding kingdoms, preliminary research on the text *Tuhfat al-Nafis*, which represents the Johor-Riau-Lingga-Pahang Sultanate, records the existence of interactions between the sultanate and European powers. Based on that, this study aims to examine the interactions established between the Kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang and European powers. This qualitative study, synthesizing two research methods, namely the literature review and content analysis, will utilize the text *Tuhfat al-Nafis* as the research data. Findings from the study using the Theory of Form and Social Environment of Interaction Between Civilizations by Kuzyk & Yakovets (2006) confirm the existence of interactions between the Kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang and European powers in the form of economic and political cooperation, socio-cultural sharing, political confrontation, and military conflict.

Keyword: Johor-Riau-Lingga-Pahang Sultanate; empire; interaction; *Tuhfat al-Nafis*; Malay World

PENGENALAN

Legasi agung Kesultanan Melayu Melaka tidak berakhir selepas peristiwa kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511. Di sebalik runtuhnya kota Melaka akibat serangan daripada Portugis, jurai keturunan Kesultanan Melayu Melaka yang berikutnya iaitu Sultan Alauddin Riayat Shah II telah mengambil tanggungjawab meneruskan legasi gemilang leluhur baginda dengan menubuhkan sebuah kesultanan baru yang dikenali Kesultanan Johor Lama (Siti Zahrah binti Mahfood, 2022). Meskipun di awal penubuhan kerajaan ini berhadapan dengan pelbagai dugaan, namun kerajaan Johor lama berjaya menempatkan diri dalam arus sejarah nasional sebagai sebuah kerajaan Melayu yang berpengaruh dengan namanya yang terkenal iaitu Kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang.

Sebagai waris langsung Kesultanan Melayu Melaka, Kesultanan Johor lama yang kemudiannya dikenali sebagai Kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang mengambil pendirian untuk meneruskan pelbagai polisi pemerintahan sebelumnya di samping turut melakukan penambahbaikan yang bersesuaian dengan suasana kerajaan yang baru. Penerusan dan penambahbaikan yang dilakukan tersebut memungkinkan Kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang berjaya muncul sebagai sebuah kerajaan yang bukan sahaja disegani bahkan juga berhasil mengatasi kerajaan lain yang mengitarinya.

Antara polisi pemerintahan terdahulu yang dilanjutkan pelaksanaannya oleh Kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang ialah menjalin interaksi baik dalam konteks setempat mahupun dengan pihak luar yang berada di luar Gugusan Kepulauan Melayu. Interaksi atas faktor politik dan perkahwinan yang dijalinan oleh Kesultanan Melayu Johor dengan kerajaan lain umpamanya telah dirintis oleh YDPM Daeng Marewah rentetan daripada peristiwa pelantikan putera raja Kedah yang tua sebagai Yang Di-Pertuan Kedah dan juga mengahwini saudara perempuan Sultan Kedah sebagai kesinambungan hubungan antara Johor dan Kedah (Mohd Roslan Mohd Nor & Ruzanah Mohd Rozi, 2015).

Menariknya, di peringkat antarabangsa pula, Kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang menurut Mohd Roslan Mohd Nor & Ruzanah Mohd Rozi (2015) turut menjalin hubungan dengan kuasa Barat. Bertolak daripada kenyataan tersebut, kajian ini menemukan wujudnya permasalahan apakah bentuk hubungan atau interaksi yang terjalin antara Kerajaan Johor-Riau-

Lingga-Pahang dengan kuasa Barat atau Eropah tersebut?. Justeru, kajian yang dijalankan ini ingin menganalisis bentuk interaksi Kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dengan kuasa Eropah berdasarkan teks *Tuhfat al-Nafis* yang sinonim dengan kerajaan berkenaan agar dapat mengetengahkan isu tersebut secara ilmiah dengan gerak kerja yang sistematik.

SOROTAN KAJIAN

Sebagai sebuah *magnum opus* Alam Melayu yang kedua terpenting selepas *Sulalat Us Salatin*, *Tuhfat al-Nafis* sentiasa menarik perhatian ramai sarjana untuk menekuninya daripada pelbagai sudut pandang. Salah satu daripadanya ialah mengenai rekod hubungan luar kerajaan Johor-Riau-Lingga Pahang dengan kerajaan luar.

Lewat penyelidikan yang dijalankan, Tatiana A. Denisova (2011) memperakui bahawa naskhah *Tuhfat al-Nafis* memuatkan sejumlah maklumat mengenai hubungan kerajaan Johor dengan pelbagai negara asing, saudagar serta kakitangan luar negara. Bersabit dengan itu, hubungan kerajaan Johor dengan negara asing tersebut terjalin dengan negara seperti Arab, China, Timur Tengah, Siam, Keling, China dan negara Eropah yang terdiri dari Belanda, Inggeris dan Perancis. Hubungan yang terjalin di antara kerajaan Johor dengan India, China dan Siam didorong oleh aspek perniagaan dan pelayaran manakala hubungan dengan negara Arab pula bertitik-tolak dari kehidupan intelektual meliputi agama, ilmu dan pendidikan di samping rakaman tentang pelayaran (lawatan haji) dan aktiviti ekonomi raja-raja Melayu di Mekah semasa musim haji. Sementara itu, hubungan kerajaan Johor dengan orang Eropah disebabkan oleh faktor perang dan ekonomi yang merupakan perkara penting dalam kegiatan pentadbiran jajahan Eropah di Alam Melayu. Penulisan Tatiana Denisova yang ringkas terhadap interaksi kerajaan Melayu dengan kuasa Eropah dalam naskhah *Tuhfat al-Nafis* tersebut sebenarnya amat signifikan dalam memberikan gambaran awal berkaitan dengan isu penyelidikan yang dijalankan.

Annuar Ramadon Kasa & Raja Hisyamudin Raja Sulong (2021) yang memperkatakan tentang unsur politik dalam *Tuhfat al-Nafis* secara tidak langsung turut menyentuh perihal hubungan diplomatik yang terjalin di antara Raja Kedah Tua dengan Opu Bugis Lima Bersaudara. Kewujudan hubungan tersebut adalah rentetan dari meletusnya Perang Saudara yang terjadi di antara Raja Kedah Muda dengan Raja Kedah Tua akibat konflik perebutan takhta. Atas sebab itu, Raja Kedah yang tua telah mengambil inisiatif meminta bantuan dari Opu Bugis Lima Bersaudara untuk menentang saudaranya yang muda. Setelah mendapat perkenan dari Sultan Sulaiman, Opu Bugis Lima Bersaudara segera berlayar ke kerajaan Kedah untuk menghulurkan bantuan kepada Raja Kedah yang tua dengan dijanjikan sejumlah lima bahara wang sebagai tanda permulaan hubungan diplomatik dua hala di antara Kedah dan Bugis. Ekoran itu, sebuah hubungan telah terbina di antara Bugis dan Kedah atau kini lebih dikenali sebagai ikatan kerjasama politik yang menguntungkan kedua-dua belah pihak.

Berdasarkan sorotan kajian yang dihipunkan tersebut, maka dapatlah dirumuskan bahawa teks *Tuhfat al-Nafis* telah dimanfaatkan oleh para sarjana terdahulu untuk menekuni hubungan kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dengan kerajaan Kedah dan juga pihak luar seperti Arab, China, Timur Tengah, Siam, Keling, China dan juga orang Eropah iaitu Belanda, Inggeris dan Perancis. Tidak dinafikan terdapat dalam kalangan para sarjana yang menangani kajian hubungan kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dengan Arab orang Eropah namun penelitian tersebut hanya bersifat umum dengan tidak menurunkan petikan dari teks berkenaan dan juga tidak memanfaatkan teori penyelidikan seperti yang digunakan dalam penyelidikan ini sebagai landasan perbincangan. Bertolak daripada ruang ilmiah yang ditinggalkan oleh para

sarjana tersebut, maka sebuah kajian ilmiah wajar dilaksanakan untuk meneliti interaksi kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dengan kuasa Eropah secara sistematik dan berilmiah.


METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan ini merupakan kajian kualitatif dengan mensintesiskan dua kaedah kajian iaitu kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Kaedah kepustakaan diimplementasi untuk mengumpul bahan dan juga maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Bahan dan maklumat kajian yang dimuatkan dalam buku, jurnal, tesis, makalah dan kertas seminar telah diteliti dan dibaca dengan rapi untuk menemukan ruang-ruang ilmiah yang ditinggalkan oleh para sarjana terdahulu di samping mengukuhkan penghujahan analisis kajian. Kesemua bahan tersebut diperoleh dengan mengunjungi beberapa perpustakaan seperti Perpustakaan Sultan Abdul Samad di Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang serta Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu yang terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad di Universiti Putra Malaysia.

Lanjutan itu, kaedah analisis kandungan pula dilaksanakan dengan menganalisis teks *Tuhfat al-Nafis* untuk mengetahui secara terperinci mengenai sesuatu isu yang ingin diteliti terutamanya interaksi Kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dengan kuasa Eropah. Kaedah penyelidikan ini dilaksanakan menerusi tiga tatacara iaitu mengumpul, mengenal pasti, dan merumuskan data. Berhubung dengan itu, data penyelidikan dikumpulkan dengan membaca teks *Tuhfat al-Nafis* dengan rinci untuk mencari data yang bertepatan dengan objektif kajian yang telah digariskan dalam penyelidikan ini. Selanjutnya, data yang telah dikumpulkan pada tahap yang pertama akan dimanfaatkan sebagai bahan perbincangan untuk menganalisis dapatan kajian. Data yang telah dianalisis tersebut kemudiannya digunakan untuk mengemukakan sebuah rumusan dapatan kajian yang dijalankan. Dalam pada itu, data kajian yang diperoleh dalam penyelidikan ini akan dianalisis menggunakan Teori Bentuk dan Lingkungan Sosial Interaksi Antara Tamadun oleh Kuzyk & Yakovets (2006).

TEORI BENTUK DAN LINGKUNGAN SOSIAL INTERAKSI ANTARA TAMADUN

Teori Bentuk dan Lingkungan Sosial Interaksi Antara Tamadun yang diimplentasikan dalam penyelidikan ini merupakan hasil janaan Kuzyk & Yakovets pada tahun 2006 lewat buah tangan mereka yang berjudul *Civilizations: Theory, History, Dialouge and The Future*. Kemunculan teori ini dalam arena akademik bertolak daripada perbincangan Kuzyk & Yakovets (2006) terhadap kapasiti dan potensi dialog dalam menjadi salah satu aspek yang membina struktur interaksi antara tamadun. Dalam arus perbincangan mengenai potensi dialog dalam ketamadunan manusia, kedua-dua sarjana berkenaan turut memperkatakan tentang keperluan untuk mengetahui kedudukan dialog dalam sebuah susun atur struktur interaksi antara tamadun. Perkara tersebut dirumuskan oleh Kuzyk & Yakovets (2006) menerusi rajah seperti berikut:




Rajah 1: Teori Bentuk dan Lingkungan Sosial Interaksi Antara Tamadun

Rajah yang dikemukakan oleh kedua-dua sarjana seperti yang diperturunkan di atas tidak hanya mengungkapkan kedudukan dialog dalam struktur interaksi antara tamadun sebaliknya juga turut memberikan gambaran secara keseluruhan mengenai bentuk interaksi yang terjalin antara tamadun di dunia. Berdasarkan rajah tersebut juga, interaksi antara tamadun dinyatakan berlaku dalam konteks negatif dan positif. Interaksi negatif dalam struktur interaksi antara tamadun berkenaan diwakili oleh aspek konflik melibatkan ketenteraan dan konfrontasi yang membabitkan politik. Interaksi dalam konteks positif pula berlaku dalam bentuk dialog, kerjasama dan bersekutu atau perkongsian melibatkan aspek politik, sosiobudaya, ekonomi, teknologi dan ekologi.

TUHFAT AL-NAFIS

R. O Winstedt menyatakan bahawa *Tuhfat al-Nafis* merupakan *magnum opus* kedua yang terpenting selepas naskhah *Sulalat u's-Salatin*. Walaupun Winstedt tidak menyuguhkan alasan untuk menyokong kenyataannya itu, tetapi Liaw Yock Fang (1978) beranggapan bahawa pendapat Winstedt tersebut bertitik-tolak dari keluasan isi sejarah dalam naskhah karangan Raja Ali Haji bin Raja Ahmad tersebut. Tatkala Raja Ali Haji bin Raja Ahmad sering disebut-sebut sebagai pengarang naskhah ini, Liaw Yock Fang (1978) bagaimana pun mendakwa bahawa terdapat seorang pensyarah di SOAS London pernah menunjukkan suatu catatan berbahasa Inggeris dalam salah satu naskhah *Tuhfat al-Nafis* bertarikh 1307 Hijrah yang menyatakan ayah kepada Raja Ali Haji iaitu Raja Ahmad sebagai pengarang sebenarnya naskhah *Tuhfat al-Nafis* manakala Raja Ali hanya berperanan menyelesaikan naskhah berkenaan. Berdasarkan maklumat tersebut, maka dapatlah diketahui bahawa naskhah *Tuhfat al-Nafis* adalah karangan bersama Raja Ahmad dan anaknya, Raja Ali Haji.



Rajah 2: Teks *Tuhfat al-Nafis*

Dalam pada itu, naskhah ini secara keseluruhannya merakamkan mengenai sejarah kerajaan Riau-Lingga yang menguasai wilayah Pahang, Selangor dan Johor. Kerajaan Riau-Lingga tersebut berpusat di selatan Semenanjung Melayu termasuk Singapura, Batam, Bintan, Karimun, Singkep dan Lingga (Salmah Jan Noor Muhammad, 2012). Kajian ini akan menggunakan naskhah *Tuhfat al-Nafis* yang ditransliterasikan dan diberikan pengenalan oleh Virginia Matheson Hooker terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1997.

ANALISIS

Berdasarkan penelitian yang dijalankan terhadap teks *Tuhfat al-Nafis*, kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang telah ditemukan memiliki interaksi dengan kuasa Eropah seperti Belanda dan Inggeris. Interaksi antara kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dengan kuasa Eropah berkenaan terjalin dalam konteks kerjasama ekonomi dan politik, perkongsian sosiobudaya dan teknologi, konfrontasi politik dan konflik ketenteraan.

Kerjasama Ekonomi

Pusat ekonomi yang sebelumnya tertumpu di Melaka telah dipindahkan dan dirancarkan semula di Johor menerusi peranan yang dimainkan oleh pelabuhan perdagangan yang boleh dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama iaitu pelabuhan di sepanjang sungai Johor merangkumi Johor Lama dan Panchor manakala fasa kedua ialah pelabuhan pada era pemerintahan Raja Kecil dan pemerintah berikutnya iaitu di Riau (Abdul Rahman Mohd Amirullah, 2005). Bekalan bahan mentah yang diperoleh menerusi wilayah yang bernaung di bawah kerajaan Johor-Riau berjaya membuatkan pelabuhan Johor-Riau dewasa itu tidak putus-

putus dikunjungi oleh pedagang serantau mahupun juga dari luar Alam Melayu sendiri (Abdul Rahman Mohd Amirullah, 2005). Antara pedagang luar yang terlibat dalam perdagangan kerajaan Johor-Riau tempoh itu termasuklah kuasa Eropah seperti Inggeris dan Belanda.

Berdasarkan teks *Tuhfat al-Nafis* yang merepresentatif kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang, kedua-dua kuasa Eropah berkenaan dirakamkan terlibat secara langsung dalam urusan jual beli bijih timah dengan kerajaan Johor-Riau terutamanya di Pulau Singkep dan Pulau Karimun. Pembabitan kedua-dua kuasa Eropah berkenaan dalam urusan jual beli bijih timah di kerajaan Johor-Riau tersebut diujarkan oleh naskhah *Tuhfat al-Nafis* seperti berikut:

Maka dengan takdir Allah taala maka terbukalah tanah Singkep, maka baginda pun menyuruhlah akan orang-orang Melayu dan peranakan Bugis mengerejakan timah-timah di situ serta masing-masing pubya bahagian. Maka datanglah kapal-kapal Inggeris di situ meninggalkan beberapa wang cengkeramnya timah-timah pulang pergi...Maka Kompeni Inggeris pun selalu juga membawa ubat bedil dan peluru dan meriam dan senapang berpalu dengan timah-timah dan lainnya.

(Virginia Matheson 1997: 197)

Syahadan kemudian daripada itu datang pula seorang Belanda anak Resyiden yang bernama Pendan Birikh, minta hendak mencebak timah di Pulau Karimun itu. Maka muafakatliah pula Yang Dipertuan Muda dengan Raja Haji Ali serta orang-orang besar-besarnya. Maka apabila putus muafakatnya maka lalulah berbuat surat perjanjian dengan Pendan Birikh itu.

(Virginia Matheson 1997: 294)

Berdasarkan petikan dari naskhah *Tuhfat al-Nafis* di atas, jelaslah bahawa kerajaan Johor-Riau memiliki interaksi ekonomi dengan kuasa Eropah iaitu Inggeris dan Belanda khususnya dalam jual beli bijih timah. Berhubung dengan itu, sejurus tanah Singkep dibuka, Sultan Mahmud Syah III telah menitahkan orang-orang Melayu dan peranakan Bugis untuk mengerjakan bijih timah yang berjaya ditemui di Pulau Singkep pada waktu itu. Selanjutnya, kapal Inggeris yang mengetahui tentang kewujudan bijih timah di pulau berkenaan lantas meninggalkan sejumlah wang cengkeram untuk membeli biji timah di Pulau Singkep. Selain menggunakan wang untuk membeli biji timah, Kompeni Inggeris juga telah menggunakan senjata api yang dimiliki seperti ubat bedil, peluru, meriam dan senapang sebagai alat tukaran untuk memperoleh bijih timah dari kerajaan Johor-Riau di Pulau Singkep berkenaan.

Di samping Pulau Singkep, sumber mineral milik kerajaan Johor-Riau itu juga turut terdapat di Pulau Karimun. Kewujudan bijih timah di pulau berkenaan berikutnya memungkinkan terjalinnya interaksi ekonomi antara kerajaan Johor-Riau dengan pihak Belanda. Interaksi ekonomi tersebut terjalin apabila seorang Belanda yang bernama Pendan Birikh iaitu anak kepada Residen Belanda menyatakan hasratnya yang ingin melombong bijih timah di Pulau Karimun kepada kerajaan Johor-Riau. Setelah bermuafakat dengan para pembesar untuk membincangkan mengenai permohonan Pendan Birikh tersebut, Yang Dipertuan Muda Raja Haji Ali bersetuju membuat surat perjanjian dengan Pendan Birikh untuk mengizinkan Pendan Birikh menjalankan kerja melombong bijih timah di Pulau Karimun. Peristiwa Inggeris yang membeli bijih timah di Pulau Singkep serta pemeteraian perjanjian melombong bijih timah dengan Belanda di Pulau Karimun seperti yang telah dibincangkan

menjadi bukti yang jelas mengenai kewujudan interaksi dalam konteks ekonomi antara kerajaan Johor-Riau dengan kuasa Eropah pada waktu tersebut.

Kerjasama Politik

Landskap politik kerajaan Melayu mulai berubah setelah runtuhnya emporium Melaka pada tahun 1511. Mulai saat itu, kuasa Eropah mulai campur tangan dalam sistem politik masyarakat Melayu yang diamalkan sebelum ini dengan terlibat secara langsung dalam sistem pemerintahan kerajaan Melayu. Dalam konteks kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang, peristiwa perseteruan antara Raja Haji dengan Belanda yang malarat menjadi konflik bersenjata telah menjadi titik mula kepada terjalannya interaksi kerjasama politik antara kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dengan Belanda.

Dari semasa ke semasa interaksi kerjasama politik tersebut terus berlanjutan melibatkan hal-ehwal pemerintahan kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang baik dengan Belanda mahupun Inggeris. Interaksi politik kerajaan Johor-Riau Lingga-Pahang dengan kedua-dua kuasa Eropah yang disebutkan itu boleh ditonjolkan lewat sejumlah petikan naskhah *Tuhfat al-Nafis* yang diperturunkan berikut:

Syahadan kata sahibul hikayat apabila tibalah angkatan Holanda dan Melaka itu, iaitu raja lautnya yang bernama Piter Jakub Pemberam, maka Raja Tua pun turunlah pergi berjumpa kepada raja laut itu serta ia berkhobar-khabar yang ia serta suku-suku Melayu tiada campur pekerjaan Raja Haji al-Marhum. Adapun segala Bugis sudah habislah keluar tinggallah saja orang baik-baik dan orang-orang betul memelihara raja yang sangat mudanya ini. 'Sekarang kita raja yang berempat menteri yang besar-besar sekali apa-apa saja suka raja laut, boleh saya jalankan.' Setelah raja laut mendengar perkataan Raja Tua itu, ia pun tersenyum sambil menganggukkan kepalanya. Kemudian maka jawab raja laut itu, 'Baiklah nanti kita buat satu perjanjian baik-baik serta boleh kita tinggalkan satu wakil kompeni di dalam negeri Riau supaya boleh menolong Tuan Sultan meramaikan negeri Riau, membanyakkan hasil. Jawab Raja Tua itu, 'Bagus.'

(Virginia Matheson 1997: 184-185)

Syahadan di dalam hal itu dengan takdir Allah taala melakukan hikmat atas hamba-Nya maka kompeni Inggeris pun mengambil pula Melaka serta Riau. Kemudian kompeni Inggeris pun memulangkanlah negeri Riau ke pada Sultan Mahmud serta ditetapkannya sebagaimana jalan adat istiadat purbakala. Adalah yang membawakan surat kompeni Inggeris itu, iaitu Syekh Umar Barja pada tujuh haribulan Safar hari Ahad jam pukul sembilan, waktu tengah mendirikan istana di ulu. Kemudian pada hari itu juga Saiyid Abdul Rahman datang dari Betawi membawa surat-surat Astatan Jenderal Betawi kepada baginda Sultan Mahmud memulangkan negeri Riau kepada Sultan Mahmud dengan tiada suatu perjanjian jua. Adalah tibanya itu pada jam pukul tiga pada Hijrat sanat 1208 takriban. Maka diterimalah oleh Sultan Mahmud dua-dua surat itu dengan kesukaannya.

(Virginia Matheson 1997: 201)

Petikan yang dihimpunkan dari naskhah *Tuhfat al-Nafis* tersebut memberikan gambaran yang jelas seputar interaksi kerajaan Melayu khususnya kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dengan kuasa Eropah iaitu Belanda dan Inggeris dalam bentuk kerjasama politik. Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap petikan yang dihimpunkan itu, interaksi kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dalam rangka kerjasama politik dengan Belanda boleh disoroti menerusi termeterainya perjanjian di antara Belanda dengan Raja Tua di kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang sejurus kerajaan tersebut ditinggalkan oleh Bugis rentetan peperangan yang berlaku di antara Raja Haji Marhum Teluk Ketapang yang menentang Belanda. Perjanjian berkenaan telah membuka ruang kepada Belanda untuk mencampuri politik kerajaan tersebut dengan meninggalkan seorang fetur yang bernama David Ruhde mulai Jun 1785 di Riau (Mardiana Nordin, 2021) dengan tujuan untuk menjalankan pemerintahan bagi pihak Belanda di samping membantu Raja Tua meramaikan semula kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dewasa itu.

Dalam perkembangan yang lain, interaksi politik kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dengan pihak Inggeris pula dirintis oleh peristiwa pemulangan semula kerajaan Riau kepada Sultan Mahmud Syah III oleh pihak Inggeris. Pemulangan tersebut dilakukan berikutan Inggeris berjaya mengambil alih Johor dan Melaka serta jajahan Belanda yang lain menerusi Surat-surat Kew susulan tindakan pemerintah Belanda iaitu *Prince of Orange* yang memberi kuasa kepada Inggeris untuk mentadbir wilayahnya yang berada di Timur setelah melarikan diri ke England akibat penaklukan tentera Napoleon dari Perancis (Ahmad Jelani Halimi, 2008). Serentak dengan pemulangan itu, Inggeris turut menyatakan pengiktirafan terhadap Sultan Mahmud Syah III sebagai raja yang memerintah Johor (Mardiana Nordin, 2021). Sejurus penyerahan Riau oleh Inggeris dewasa itu, Belanda dirakamkan oleh petikan yang sama turut melakukan hal yang serupa iaitu memulangkan semula kerajaan Riau tanpa memeterai sebarang perjanjian di antara kedua-dua belah pihak.

Perkongsian Sosiobudaya

Bertapaknya kuasa Eropah di Alam Melayu berikutan misi penjelajahan dan penjajahan menyaksikan kebudayaan masyarakat Melayu sekali lagi beradaptasi dengan satu lagi unsur yang berasal dari luar khususnya dalam sistem pendidikan, media massa dan banyak lagi (Abdul Latiff Abu Bakar, 1987). Dalam tempoh inilah berlakunya perkongsian sosiobudaya antara kerajaan Melayu dengan kuasa Eropah.

Di kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang, interaksi perkongsian sosiobudaya tersebut terjalin menerusi perbarisan askar dan alatan muzik. Tidak cukup dengan itu, interaksi berkenaan turut dikesan berlanjutan dalam binaan istana baru kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang yang mengambil inspirasi dari seni bina Eropah. Perihal interaksi sosiobudaya antara kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dengan Eropah seperti yang diperkatakan itu disinggung oleh naskhah *Tuhfat al-Nafis* lewat kutipan berikut:

Dan adalah Yang Dipertuan Muda itu suka membuat baris peperangan adalah pakaian dan senapang segala barisannya itu semua pertolongan daripada orang besar-besar Melaka Dan adalah dia ia menyuruh budak-budak empat lima orang belajar muzik cara Holanda ke Melaka iaitu belajar tambur dan seruling dan terompet dan biola dan lainnya daripada segala perkakas bermain muzik.

(Virginia Matheson 1997: 229)

Kemudian daripada itu ianya balik ke Lingga berbuat istana seperti rumah orang putih, indah juga perbuatannya serta dengan besarnya. Maka belumlah pernah raja-raja yang di dalam Lingga dan Riau memperbuat istana yang demikian itu serta cukup dengan alat perkakasnya yang indah-indah dan halus halus serta ditaruhnya beberapa makanan orang putih dan minum-minuman di dalam istana itu, serta beberapa gambar pada dinding-dinding istana itu. Dan apabila orang-orang putih atau Resyiden Riau datang maka istana itulah diterimanya serta diperjamunya makan minum demikianlah halnya. Dan beberapa pula anjing-anjing yang besar-besar ditaruhnya di situ dengan peliharanya seperti adat orang putih jua adanya.

(Virginia Matheson 1997: 295)

Menerusi petikan naskhah *Tuhfat al-Nafis* yang dinyatakan itu, Yang Dipertuan Muda kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dirakamkan oleh pengarang begitu berminat membuat baris peperangan. Atas sebab itu, beliau telah dibantu oleh orang-orang besar Belanda di Melaka untuk membuat perbarisan perang dalam kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang meliputi pakaian, senapang dan juga segala perbarisan. Bantuan yang diberikan oleh Belanda tersebut menjelaskan bahawa perbarisan perang bukanlah budaya yang dilazimi dalam kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang sebaliknya ia merupakan budaya yang berasal dari kuasa Eropah. Dalam masa yang sama, Yang Dipertuan Muda juga turut mengambil inisiatif menghantar sejumlah empat atau lima orang rakyatnya ke Melaka untuk mempelajari alat muzik Belanda seperti tambur, seruling, biola dan perkakas muzik yang lainnya.

Di samping berinteraksi dalam bentuk perkongsian sosiobudaya melibatkan perbarisan perang dan alat muzik, istana kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang yang baru sahaja siap dibangunkan turut mengambil inspirasi dari seni bina rumah orang Inggeris sehingga menyerlahkan pesona keindahannya dan menjadikan ia sebagai istana pertama seumpamanya di Lingga dan Riau pada waktu itu. Selain menerapkan seni bina Eropah dalam pembinaannya, istana baru tersebut juga menyajikan makanan yang bercirikan khas Inggeris khususnya untuk menjamu orang-orang putih dan Residen Riau yang mengunjungi Yang Dipertuan Muda. Malahan, kawalan keselamatan di istana itu turut tidak ubah mengikut cara orang putih dengan menempatkan anjing-anjing yang besar di istana. Fenomena seperti yang diperkatakan itu menurut J. M Gullick (1972) merupakan kecenderungan yang bermula sekitar tahun 1870 dalam kalangan golongan elit Melayu yang menyaksikan golongan bangsawan berkenaan memperlengkapi rumah mereka mengikut cara orang Eropah.

Konfrontasi Politik

Abdul Jabar Mohd Ridi (1995) mentakrifkan konfrontasi sebagai konflik atau persengketaan yang berlaku membabitkan antara dua atau lebih negara dengan memanfaatkan segala cara kecuali menggunakan perang terbuka. Konfrontasi yang berlaku di antara dua atau lebih pihak pada dasarnya boleh ditinjau menerusi pelbagai aspek antaranya ialah ekonomi, politik, ketenteraan dan sebagainya. Berdasarkan teks *Tuhfat al-Nafis*, kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang direkodkan berkonfrontasi dengan kuasa Eropah dari sudut politik. Konfrontasi politik menurut Noor Erma (2016) merujuk kepada pertelingkahan yang berlaku di antara dua pihak yang diakibatkan oleh perbezaan dasar atau haluan pemerintahan sehingga menatijahkan

pergaduhan. Interaksi konfrontasi politik berkenaan diperihalkan oleh naskhah *Tuhfat al-Nafis* seperti petikan berikut:

Maka di dalam hal itu Sultan Mahmud tiada mehiraukan ijthad Resyiden Riau serta segala isi negeri itu masih juga hendak melakukan kehendak hatinya. Maka inilah asal menjadi pokok bersalah salah faham Sultan Mahmud dengan Resyiden Riau serta dengan segala anak raja-raja dan orang tua-tua di dalam negeri Riau. Syahadan di dalam hal itu banyaklah pula lagi kelakuan dan perkataan yang tiada berbetulan dengan gebermen Belanda serta isi negeri Riau.

(Virginia Matheson 1997: 297)

Syahadan kata sahibul hikayat apabila berlayarlah Sultan Mahmud itu maka kemaluan sahajalah Resyiden Riau itu pada menahan Sultan Mahmud itu, kerana tiada dipedulikan oleh Sultan Mahmud. Maka aiblah pada adat istiadat orang besar-besar. Maka apabila aib Resyiden maka melaratlah pula kepada gebermen Belanda. Sementelahnya pula ada satu maksud gebermen kepada Sultan Mahmud daripada pekerjaan beselit raja yang tiada menjadi mudarat kepada kerajaan Sultan Mahmud, maka tiada juga Sultan Mahmud mau menerima. Maka itu pun suatu pula yang melukakan hati gebermen Belanda serta malunya. Syahadan kata sahibul hikayat inilah pekerjaan dan yang diperbuatkan Sultan Mahmud menjadi perkara besar di belakangnya.

(Virginia Matheson 1997: 299)

Berdasarkan petikan naskhah *Tuhfat al-Nafis* tersebut, maka dapatlah dilihat dengan jelas seputar konfrontasi politik yang berlaku di antara Sultan Mahmud IV dengan Residen Belanda di Riau seperti yang diperkatakan pada awal perbincangan. Petikan naskhah yang diperturunkan tersebut memerihalkan tentang sikap Sultan Mahmud IV yang sama sekali tidak menghiraukan pandangan Residen Belanda dan juga seisi negeri Riau terkait dengan urusan pemerintahan kerajaan melainkan hanya mendahulukan kehendak hatinya semata-mata. Sikap Sultan Mahmud IV yang tidak sefahaman dengan Residen Belanda itu lama-kelamaan telah menyebabkan semakin banyak urusan pemerintahan dalam negeri Riau tidak lagi selari dengan kehendak gebermen Belanda bahkan juga dengan anak raja-raja dan orang tua-dua di Riau sendiri. Konfrontasi politik yang berlaku di antara Sultan Mahmud IV dengan Residen Belanda di Riau tersebut menjadi semakin dalam apabila Sultan Mahmud IV sama sekali tidak mengendahkan nasihat dari Residen Belanda di Riau yang menghalang baginda dari belayar ke Singapura terlebih dahulu di samping keengganan baginda untuk memberikan kata putus terhadap pelantikan Yang Dipertuan Muda yang baru.

Tindakan Sultan Mahmud IV yang berkeras untuk belayar ke Singapura tanpa menghiraukan tegahan dari Residen Belanda sebelumnya telah menyebabkan Residen Belanda di Riau berasa malu sehingga isu berkenaan melarat ke gebermen Belanda sendiri. Dari semasa ke semasa, konfrontasi politik yang berlaku di antara Sultan Mahmud IV dengan Belanda semakin keruh apabila Sultan Mahmud IV tidak menerima syor gebermen Belanda untuk memberikan perkenan terhadap pelantikan Engku Haji (Raja Abdullah) sebagai ganti kepada almarhum Raja Ali sebagai Yang Dipertuan Muda yang baru. Konfrontasi yang semakin hari semakin melarat di antara Sultan Mahmud IV dengan gebermen Belanda itu akhirnya menyebabkan berlakunya peristiwa pemakzulan baginda dari takhta kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dengan serta merta oleh Belanda.

Konflik Ketenteraan

Dalam teks *Tuhfat al-Nafis*, kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang juga turut tidak terkecuali dari memiliki interaksi konflik ketenteraan dengan kuasa Eropah khususnya Belanda. Interaksi dari sudut konflik ketenteraan tersebut boleh disoroti menerusi peristiwa peperangan yang berlaku di antara Raja Haji dengan Belanda. Konflik berkenaan menurut Mardiana Nordin (2021) berpunca dari persekongkolan Belanda dan Perancis yang merampas muatan 1, 154 candu di dalam kapal *Besty* milik British ketika berada di perairan Riau. Raja Haji yang merasa kesal ekoran tidak mendapat bahagian dari hasil jualan candu yang hanya dibahagikan di antara Belanda dan Perancis telah bertindak memulangkan semua perjanjian yang sebelumnya diratifikasi oleh beliau dengan Belanda. Tindakan Raja Haji saat itu telah menimbulkan kemarahan kepada Gabenor Belanda lalu mengarahkan Peter Jacob van Braam menyerang Raja Haji. Peristiwa serangan oleh Belanda terhadap Raja Haji tersebut disuarakan oleh *Tuhfat al-Nafis* seperti berikut:

Syahadan ada kira-kira dua hari maka kapal-kapal langgaran dari Melaka pun datanglah. Ada kira-kira dua belas dengan selubnya sekali dan dengan perahu Trengganu, menjadi ada kira-kira empat puluh buah. Maka datangla ia dengan terserkap. Maka tiada sempat Yang Dipertuan Muda berbuat kubu lagi dan segala senjata pun tiada habis disiapkan. Maka naiklah baris lalu ditempuhnya kampung Yang Dipertuan Muda itu beramuk-amuklah Bugis-Bugis dengan Holanda.

(Virginia Matheson 1997: 118)

Kemudian datanglah langgar dari Melaka terlalu banyak serdadunya, sebab bantunya sudah datang dari Betawi, iaitu ada enam bangsa yang datang itu. Pertama serdadu Holanda serta Nasrani, kedua serdadu Bali, ketiga serdadu Jawa, keempat serdadu Bugis, kelima, Cina, keenam Melayu. Maka rapatlah segala serdadu itu, mengepung kubu tiga buah itu. Maka lalu beramuk-amukan bunyi senapang pemburnasnya pun tiada berputusan. Maka dengan tolong Allah Subhanahu wataala tiada juga alah. Maka banyaklah mati serdadu hari itu. Adapun pakaian serdadu yang mati-mati seperti cepiau-cepiau dan kasut-kasut itu pun bertimbun-timbun. Kemudian berhenti perang.

(Virginia Matheson 1997: 120)

Petikan dari naskhah *Tuhfat al-Nafis* tersebut memanifestasikan dengan jelas perihal interaksi dari sudut konflik ketenteraan di antara kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dengan Belanda khususnya dalam peristiwa peperangan Raja Haji dengan Belanda yang berlaku di Riau dan Melaka. Dalam usaha memerangi Raja Haji tersebut, Belanda diujarkan oleh petikan yang diperturunkan telah mengerahkan sejumlah besar angkatan tenteranya iaitu sebanyak 40 buah perahu yang terdiri dari 12 buah selub dan 28 perahu Trengganu. Buyong Adil (1981) ketika mengulas mengenai peperangan berkenaan menyatakan bahawa Belanda telah menghantar angkatan perangnya dari Betawi ke Riau yang berjumlah enam buah kapal perang dengan diketuai oleh seorang pegawainya yang bernama Togar Aboe. Dalam misi untuk memerangi Riau itu, Togar Aboe turut membawa seramai 910 orang askar untuk memerangi Raja Haji. Serangan yang dilancarkan oleh Belanda terhadap Riau telah ditentang oleh

angkatan Raja Haji dengan bersungguh-sungguh dan gagah berani (Buyong Adil, 1981). Kedua-dua pihak yang berkonflik saling menghujani pihak lawan dengan senjata api yang dimiliki sehingga mengakibatkan lokasi peperangan menjadi gegak gempita.

Tentangan hebat oleh angkatan perang yang dipimpin oleh Raja Haji menyebabkan pihak Belanda pada akhir bulan September 1782 sekali lagi menghantar angkatan perangnya dari Betawi sebanyak tujuh buah kapal perang dengan membawa seramai 594 orang askar yang diketuai oleh Arnoldus Lemker (Buyong Adil, 1981). Berdasarkan petikan yang diperturunkan, aksar yang membarisi angkatan perang Belanda pada waktu itu terdiri dari askar Belanda dan Nasrani, askar bali, askar Jawa, askar Bugis, askar Cina dan askar Melayu. Setelah tiba di Riau, angkatan perang Belanda berkenaan lantas melakukan pengepungan terhadap tiga buah kubu Raja Haji. Sejurus itu, meletuslah peperangan di antara angkatan Belanda dengan Riau dengan menyaksikan kedua-dua pihak yang berkonflik saling menghujani pihak lawan dengan senjata api yang dimiliki sehingga mengakibatkan lokasi peperangan menjadi gegak gempita dan mengorbankan banyak nyawa.

KESIMPULAN

Peristiwa hitam pada tahun 1511 tidak menyaksikan legasi Kesultanan Melayu Melaka jatuh dan hilang bersama dengan kota entrepotnya yang gemilang. Sebaliknya, dengan berbekalkan semangat yang tinggi, jurai keturunan langsung kesultanan berkenaan iaitu Sultan Alauddin Riayat Syah II telah mengambil inisiatif menubuhkan Kesultanan Melayu Johor Lama yang kemudiannya dikenali sebagai Kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang. Di Johor, kesultanan yang baru ditubuhkan tersebut tidak hanya memainkan peranan sebagai penyambung legasi sebelumnya sebaliknya juga turut meneruskan dan menambahbaik polisi kerajaan terdahulu dalam mengukuhkan kedudukannya dan mengembalikan citra kerajaan terdahulu di Gugusan Kepulauan Melayu. Antara polisi terdahulu yang diteruskan oleh kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang demi kemaslahatan kerajaannya ialah menjalinkan hubungan atau interaksi baik dengan kerajaan yang mengitarinya mahupun juga dengan pihak luar yang lain khususnya kuasa Eropah. Berhubung dengan itu, teks *Tuhfat al-Nafis* yang mewakili Kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang merekodkan dengan rinci seputar interaksinya dengan kuasa Eropah dari sudut kerjasama ekonomi dan politik, perkongsian sosiobudaya dan teknologi, konflik ketenteraan serta Konfrontasi politik.

Dalam konteks kerjasama ekonomi, kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang diketahui memiliki hubungan jual beli bijih timah dengan pihak Inggeris dan Belanda. Sementara itu, daripada sudut politik pula, kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang telah mendapat khidmat nasihat Residen Belanda dalam menjalankan pentadbiran di kerajaan berkenaan. Dalam pada itu, perkongsian dari sosiobudaya pula dibuktikan dengan pengajaran muzik dan perbarisan tentera oleh Belanda dan juga mencontohi seni bina Inggeris. Interaksi dalam konteks konfrontasi politik pula berlaku antara Sultan Mahmud IV dengan Residen Belanda melibatkan pentadbiran dalam kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang manakala konflik ketenteraan terjadi antara Raja Haji dengan Belanda akibat pelanggaran perjanjian. Kesemua bentuk interaksi dengan kuasa Eropah seperti yang dibincangkan memberikan kesan yang cukup signifikan kepada Kesultanan Johor-Riau-Lingga-Pahang dalam menjamin perkembangan dan kelangsungannya.

RUJUKAN

- Abdul Jabar Mohamad Ridi. 1995. *Konfrontasi Republik Indonesia (R. I)-Malaysia 1963-1966: Studi Awal Terhadap Konfrontasi Ekonomi dan Dampaknya*. (Tesis Sarjana) Universitas Indonesia, Indonesia.
- Abdul Latiff Abu Bakar. 1987. *Sejarah dan Pemikiran Konsep Kebudayaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Mohd Amirullah. 2005. *Kerajaan Johor-Riau Dalam Sejarah Peradaban Melayu*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Ahmad Jelani Halimi. 2008. *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Annuar Ramadhon Kasa & Raja Hisyamudin Raja Sulong. 2021. Unsur-Unsur Politik Dalam Tuhfat Al-Nafis. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(2), 47-61.
- Buyong Adil. 1981. *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gullick, J. M. 1972. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw Yock Fang. 1978. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional Singapura.
- Mardiana Nordin. 2021. Pengukuhan Kuasa Melayu: Perkembangan Politik dan Pentadbiran Kesultanan Johor Sehingga Abad Ke-18. *JEBAT: Malaysian Jurnal of History Politics and Strategic Studies*, 48(2), 108-137.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Ruzanah Binti Mohd Rozi. 2015. Kesultanan Melayu dan Hubungan Antarabangsa. Dlm. Rumaizi Ahmad & Mohd Roslan Mohd Nor (Ed.), *Baldatun Tayyibah: Model Kesultanan Melayu Nusantara*, (pp. 135-164). Selangor: Persatuan Ulama Cawangan Selangor.
- A. N. Kuzyk & Yu. V. Yakovets. 2006. *Civilization Theory, History, Dialogue and the Future*. Moscow: Institue fnoor Economic and Strategies.
- Noor Erma binti Abdullah. 2016. *Kesan Hubungan Perdagangan Malaysia-Indonesia Era Konfrontasi 1963-1970*. (Tesis Sarjana) Universiti Sains Malaysia, Malaysia.
- Salmah Jan Nor Mohamad. 2012. *Ilmu Diplomatik Melayu Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. (Tesis Doktor Falsafah) Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Siti Zahrah binti Mahfood. 2022. Pengasas Kerajaan Kesultanan Johor. Dlm. Ishak Saat & Ahmad Zinudin Husin (pnyt.). *Institusi Raja: Pelbagai Kisah Kesultanan di Alam Melayu*, hlm. 79-93. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussien Onn
- Tatiana A. Denisova. 2011. *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Virginia Matheson. 1997. *Tuhfat Al-Nafis*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd

Biodata Penulis:

Steven Alezender merupakan pensyarah GiG di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, FSSK, UKM. Bidang pengkhususan beliau ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional dalam genre Historiografi Melayu.

Salmah Jan Noor Muhammad merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden, UPM. Bidang pengkhususan beliau ialah Karya Agung Melayu, Filologi dan Kajian Manuskrip Melayu.

Rahimah Hamdan merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden, UPM. Bidang pengkhususan beliau ialah Manuskrip Melayu, Kesusasteraan Melayu Tradisional, Kesusasteraan Melayu Transisi Tradisional-Moden, Budaya dan Warisan Melayu.